

PEMBANGUNAN MODUL BACAAN AWAL KAEDAH FONIK (MOBAFIK) DIGITAL DENGAN APLIKASI MODEL ADDIE UNTUK MURID PRASEKOLAH ALIRAN CINA

DEVELOPMENT OF DIGITAL PHONICS EARLY READING MODULE (MOBAFIK) WITH ADDIE MODEL APPLICATION FOR CHINESE PRESCHOOL STUDENTS

Thang Yin Fong¹
Adenan Ayob²

¹ Pusat Perkembangan Kanak-kanak Kebangsaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

² Universiti Pendidikan Sultan Idris

Article history

Received date : 14-21-2021

Revised date : 15-21-2021

Accepted date : 3-3-2022

Published date : 1-4-2022

To cite this document:

Fong, T. Y., & Ayob, A. (2022). Pembangunan Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) Digital Dengan Aplikasi Model Addie Untuk Murid Prasekolah Aliran Cina. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(14), 50 - 61.

Abstrak: Artikel ini menjelaskan pembangunan Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) Digital dengan aplikasi Model ADDIE untuk murid prasekolah aliran Cina. Modul merangkumi kemahiran menyebut dan membunyikan huruf, membaca perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi perkataan suku kata terbuka dan tertutup. Analisis data kuantitatif dengan statistik deskriptif. Kesahan dan kebolehpercayaan modul oleh tujuh orang pakar dengan soal selidik Likert empat mata. Kesimpulannya, modul berjaya dibangunkan dan dinilai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) Digital yang terdiri daripada bahan cetakan, Modul MOBAFIK dan bahan perisian komputer selaku MOBAFIK.ppt dan MOBAFIK.audiovisual adalah sesuai dan berkesan ke atas penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid prasekolah aliran Cina dalam suasana yang mengembirakan dan menyeronokkan. Di samping itu, Modul MOBAFIK Digital dapat memperkembangkan komunikasi lisan dan asas literasi murid prasekolah aliran Cina untuk pembelajaran seterusnya bagi keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur.

Kata Kunci: Kemahiran Membaca, Modul MOBAFIK Digital, Model ADDIE, Murid Prasekolah

Abstract: This article describes the development of the Digital Phonics Method Early Reading Module (MOBAFIK) with the ADDIE Model application for Chinese preschool students. Modules cover the skills of pronouncing and sounding letters, reading words, phrases and sentences containing open and closed syllable words. Quantitative data analysis with descriptive statistics. Validity and reliability of the module by seven experts with a four-point Likert questionnaire. In conclusion, the module was successfully developed and evaluated.

Findings show that the Digital Phonics Early Reading Module (MOBAFIK) which consists of printed materials, MOBAFIK Module and computer software materials as MOBAFIK.ppt and MOBAFIK.audiovisual is suitable and effective on the mastery of Malay reading skills among Chinese preschool students in an exhilarating and fun atmosphere. In addition, the MOBAFIK Digital Module can develop the oral communication and basic literacy of Chinese preschool students for further learning for the ability of students to understand, express and appreciate beautiful language through fun learning in an entertaining manner.

Keywords: *Reading Skills, Digital MOBAFIK Module, ADDIE Model, Preschool Students*

Pengenalan

Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran dalam Matlamat Pendidikan Prasekolah yang bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Dengan itu, membaca merupakan satu kemahiran asas yang sangat penting dan perlu dikuasai khasnya murid prasekolah untuk membolehkan mereka mengikuti dan menguasai mata-mata pelajaran yang lain seperti Sains, Matematik dan sebagainya. Hal ini menjelaskan bahawa seseorang murid prasekolah perlu meneroka dan menggarap ilmu pengetahuan baharu dalam proses tumbesaran sehingga berada di alam persekolahan formal melalui kemahiran membaca.

Untuk mencapai matlamat Pendidikan Prasekolah yang dinyatakan, seseorang murid prasekolah memerlukan perangsang ke atas penguasaan kemahiran membaca terutama pada peringkat awal. Bahan bantu mengajar tidak kira berbentuk elektronik atau bukan elektronik merupakan bahan sokongan yang penting untuk meningkatkan kefahaman murid, mengekalkan minat belajar dan dapat menjelaskan mesej yang ingin disampaikan (Aliza & Zamri, 2015). Noor Azlan dan Nurdalina, (2010) turut menyokong bahawa penggunaan bahan bantu mengajar dapat mencetuskan minat seseorang murid. Di samping itu, Kamisah Buang & Rohaty @ Rohatiah Mohd Majzub, 2012 menunjukkan bahawa pembelajaran bacaan awal menggunakan bahan multimedia dapat merangsang minat kanak-kanak dan meningkatkan prestasi mereka.

Di Malaysia, masih kekurangan bahan bantu mengajar yang menepati matlamat Pendidikan Prasekolah. Demi keperluan bahan bantu mengajar dan perkembangan kanak-kanak, kajian ini menjelaskan proses pembangunan Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) Digital dengan aplikasi Model ADDIE untuk murid prasekolah aliran Cina. Modul MOBAFIK berfokuskan kaedah fonik dengan Model ADDIE (1987) yang terdiri daripada lima fasa, iaitu (i) Analisis; (ii) Reka Bentuk; (iii) Pembangunan; (iv) Pelaksanaan; dan (v) Penilaian. Modul ini merupakan bahan bantu mengajar (BBM) sebagai media pembelajaran selaku bahan cetakan-Modul MOBAFIK dan bahan perisian computer, iaitu MOBAFIK.ppt dan MOBAFIK.audiovisual. Modul MOBAFIK Digital mengandungi empat unit yang berdasarkan Tunjang Komunikasi aspek Bahasa Melayu bahagian kemahiran membaca dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016).

Pernyataan Masalah

Prasekolah didefinisikan sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam persekolahan di peringkat sekolah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menggembirakan dapat membekalkan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat. Aliza Ali & Zamri Mahamod (2016) menegaskan bahawa guru memerlukan sumber dan bahan yang sesuai untuk merangsang pembelajaran bahasa murid. Malangnya, guru prasekolah berhadapan masalah kekurangan bekalan bahan bantu mengajar yang berfokus Matlamat Prasekolah Kebangsaan disebabkan kurikulum prasekolah bersifat holistik (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Tambahan lagi, bahan bantu mengajar di pasaran tidak dikategorikan secara khusus dan terperinci dengan matlamat Pendidikan Prasekolah.

Menurut Kamarudin Husin (1998), pembelajaran harus berasaskan minat, umur, kecenderungan, keupayaan mental, emosi dan sosial murid. Kandungan perlu mengikut peringkat, disusun atur dan disampaikan mengikut keperluan. Keadaan ini perlu mengambil kira prinsip-prinsip pembelajaran yang lain melibatkan pergerakan daripada yang mudah kepada yang lebih kompleks, daripada yang di dalam pengalaman kepada yang di luar pengalaman, daripada yang dekat kepada yang jauh, daripada yang konkrit kepada yang abstrak dan sebagainya. Prinsip pembelajaran ini dinamakan prinsip ansur maju.

Objektif Kajian

Kajian ini berobjektif untuk membangunkan Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) Digital dengan aplikasi Model ADDIE untuk murid prasekolah aliran Cina.

Metodologi

Pengkaji memilih Model ADDIE (1987) bagi membangunkan Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) Digital kerana Model ADDIE merupakan salah satu reka bentuk yang sistematik untuk mereka bentuk, membangunkan, melaksana dan menilai sesuatu proses pengajaran (Walter Dick, Lou Carey, & James O. Carey, 2015). Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin (2013) juga bersetuju bahawa Model ADDIE adalah antara model reka bentuk pengajaran yang digunakan sebagai panduan dalam proses pembangunan sesuatu modul. Tambahan pula, Model ADDIE ialah sebuah proses reka bentuk pengajaran lelaran yang merupakan proses pengulangan kerana setiap peringkat mempunyai penilaian formatif yang mungkin menjadi kembali semula ke peringkat yang sebelumnya. Ini bermakna produk akhir bagi satu fasa merupakan produk permulaan bagi fasa seterusnya. (Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang, & Mazlina Che Mustafa, 2018; Aliza Ali & Zamri Mahamod, 2015; Maszuraini Miswan, Hamed Adenan, & Norhazalen Saad, 2014).

Pengkaji menentukan item-item bagi kandungan Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) Digital dengan panduan dua orang guru prasekolah aliran Cina yang berpengalaman melebihi lapan tahun dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Melalui sesi perbincangan atas pandangan dan maklum balas sebanyak 15 kali, pengkaji membangunkan Modul MOBAFIK Digital berlandaskan Model ADDIE. Setelah item-item bagi kandungan Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) Digital berjaya dibincang dan didokumentasikan, pengkaji mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan kandungan melalui senarai soal selidik Likert empat mata kepada tujuh orang penilai yang berpengalaman dan berwibawa dalam prasekolah dan bidang Bahasa Melayu.

Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan kelima-lima fasa model ADDIE, iaitu (i) Analisis; (ii) Reka Bentuk; (iii) Pembangunan (iv) Pelaksanaan dan (v) Penilaian untuk membangunkan Modul MOBAFIK Digital. Dapatan mengikut fasa adalah seperti berikut;

Analisis

Pengkaji menganalisis matlamat pengajaran dan maklumat murid prasekolah untuk mengenal pasti matlamat Modul MOBAFIK Digital. Fasa Analisis merupakan asas bagi fasa lain dalam reka bentuk pengajaran yang bertujuan mengenal pasti objektif, kandungan, kesesuaian terhadap sasaran, dan capaian model pembelajaran dan pengajaran (George Morrison, 2012). Matlamat pengajaran dan perkembangan pembelajaran murid prasekolah untuk pembinaan objektif khusus pada fasa kedua iaitu Reka Bentuk.

Reka Bentuk

Pengkaji membuat tinjauan literatur terhadap teori dan kaedah, dan perbincangan dengan guru prasekolah dan guru tadika swasta. Dalam kajian ini, pengkaji telah menekankan teori pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu mengikut perkembangan murid dengan lapan syarat pembelajaran, Teori Pembelajaran Behaviorisme-Kognitif Gagné (1985) dan sembilan peristiwa pembelajaran, Teori Reka Bentuk Pengajaran Gagné (1988). Gagné, R.M. & Driscoll, M.P. (1988) menerangkan bahawa pembelajaran adalah satu kegiatan dalaman yang berlaku melalui transformasi input dan output. Pengajaran pula adalah kegiatan luaran yang menyokong proses-proses dalaman.

Elemen Fasa Reka Bentuk adalah untuk membina objektif pembelajaran, menentukan kaedah pengajaran dan pembelajaran mengikut perkembangan pembelajaran murid prasekolah. Tambahan pula, jangkaan terhadap pengetahuan dan kemampuan murid prasekolah ditelitikan.

Fasa Pembangunan

Fasa Pembangunan merujuk pada penyediaan pembelajaran kepada murid prasekolah aliran Cina untuk mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan dalam Fasa Reka Bentuk. Setiap fokus tersebut diubahsuai menjadi objektif pembelajaran bagi aktiviti dalam Modul MOBAFIK Digital yang lebih khusus berpandukan kriteria berikut; (i) mulakan pernyataan dengan “Murid-murid boleh:..” dan (ii) mulakan setiap objektif khusus dengan kata kerja iaitu sesuatu yang boleh diukur dan diperhatikan seperti “menyebut”, “membunyikan”, dan “membaca”.

Pengkaji menelitikan kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam DSKP, KSPK semakan 2017 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Hasilnya, pengkaji mengenal pasti terdapat empat komponen utama iaitu (i) mengenal huruf abjad; (ii) membaca suku kata terbuka dan perkataan suku kata terbuka; (iii) membaca suku kata terbuka, suku kata tertutup dan perkataan suku kata terbuka, perkataan suku kata tertutup serta (iv) membaca frasa dan ayat yang mengandungi perkataan suku kata terbuka, suku kata tertutup serta bahan bacaan mudah.

Seterusnya, pengkaji menghasilkan media pembelajaran Modul MOBAFIK Digital dengan bahan cetakan dan perisian komputer mengikut kemahiran membaca Bahasa Melayu. Perisian komputer selaku MOBAFIK.ppt dan MOBAFIK.audiovisual. Hasilnya, pengkaji membentuk objektif Modul MOBAFIK Digital mengikut unit seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Objektif Mengikut Unit Modul MOBAFIK Digital

Unit	Objektif Modul MOBAFIK	Media Pembelajaran
Satu	(i) Murid boleh mengenal pasti abjad. (ii) Murid boleh menyebut dan membunyikan huruf kecil. (iii) Murid boleh menyebut huruf kecil dan huruf besar.	(i) Modul MOBAFIK (ii) MOBAFIK.ppt (iii)MOBAFIK.audiuvissual
Dua	(i) Murid boleh membunyikan suku kata terbuka. (ii) Murid boleh membaca perkataan suku kata terbuka.	(i) Modul MOBAFIK (ii) MOBAFIK.ppt (iii)MOBAFIK.audiuvissual
Tiga	(i) Murid boleh membunyikan suku kata tertutup. (ii) Murid boleh membaca perkataan suku kata terbuka dan tertutup.	(i) Modul MOBAFIK (ii) MOBAFIK.ppt (iii)MOBAFIK.audiuvissual
Empat	(i) Murid boleh membaca frasa yang mengandungi perkataan suku kata terbuka. (ii) Murid boleh membaca ayat mudah yang mengandungi perkataan suku kata terbuka. (iii)Murid boleh membaca frasa yang mengandungi perkataan suku kata terbuka dan tertutup. (iv)Murid boleh membaca ayat mudah dengan sebutan yang betul. (v) Murid boleh membaca bahan bacaan mudah.	(i) Modul MOBAFIK (ii) MOBAFIK.ppt (iii)MOBAFIK.audiuvissual

Pelaksanaan

Pengkaji melaksanakan Modul MOBAFIK Digital dalam kelas pada sesi pengajaran dan pembelajaran selama 17 minggu. Pengkaji mendapatkan bantuan dan dorongan daripada dua orang guru prasekolah aliran Cina yang berpengalaman melebihi lapan tahun bidang Bahasa Melayu. Tujuan pelaksanaan adalah untuk memastikan pembangunan Modul MOBAFIK Digital adalah bertepatan dengan matlamat Pendidikan Prasekolah.

Jadual 2: Peruntukan masa mengikut unit Modul MOBAFIK dalam Sesi Intervensi

Unit/ Obejtkif	Modul MOBAFIK Digital	Peruntukan Masa (Minggu)
Satu	(i) Modul MOBAFIK	Minggu 1
(i) Murid boleh mengenal pasti abjad.	(ii) MOBAFIK.ppt	(Kenali teman-rakan)
(ii) Murid boleh menyebut dan membunyikan huruf kecil.	(iii)MOBAFIK.audiuvissual	Minggu 2 (kenali huruf abjad)
(iii)Murid boleh menyebut huruf kecil dan huruf besar.		Minggu 3 (sebut dan bunyi huruf kecil)
		Minggu 4 (sebut dan bunyi huruf kecil dan huruf besar)
		Minggu 5 (sebut dan bunyikan huruf kecil dan huruf besar)

Unit/ Obejtkif	Modul MOBAFIK Digital	Peruntukan Masa (Minggu)
Dua	(i) Modul MOBAFIK	Minggu 6
(i) Murid boleh membunyikan suku kata terbuka.	(ii) MOBAFIK.ppt	(bunyi suku kata terbuka)
(ii) Murid boleh membaca perkataan suku kata terbuka.	(iii)MOBAFIK.audiuvisual	Minggu 7 (baca perkataan terbuka)
Tiga	(i) Modul MOBAFIK	Minggu 8
(i) Murid boleh membunyikan suku kata tertutup.	(ii) MOBAFIK.ppt	(baca perkataan suku kata tertutup)
(ii) Murid boleh membaca perkataan suku kata terbuka dan tertutup.	(iii)MOBAFIK.audiuvisual	Minggu 9 (baca perkataan suku kata terbuka dan tertutup)
		Minggu 10 (baca perkataan suku kata terbuka dan tertutup)
		Minggu 11 (baca perkataan suku kata terbuka dan tertutup)
		Minggu 12 (baca perkataan suku kata terbuka dan tertutup)
Empat	(i) Modul MOBAFIK	Minggu 13
(i) Murid boleh membaca frasa yang mengandungi perkataan suku kata terbuka.	(ii) MOBAFIK.ppt	(baca frasa dan ayat)
(ii) Murid boleh membaca ayat mudah yang mengandungi perkataan suku kata terbuka.	(iii)MOBAFIK.audiuvisual	Minggu 14 (baca frasa dan ayat)
(iii)Murid boleh membaca frasa yang mengandungi perkataan suku kata terbuka dan tertutup.		Minggu 15 (baca frasa dan ayat)
(iv)Murid boleh membaca ayat mudah dengan sebutan yang betul.		Minggu 16 (baca frasa dan ayat)
(v) Murid boleh membaca bahan bacaan mudah.		Minggu 17 (baca bahan bacaan mudah)

Fasa Penilaian

Fasa Penilaian mengukur keberkesanan Modul MOBAFIK Digital secara menyeluruh iaitu dalam sesuatu fasa, antara satu fasa ke fasa lain; dan selepas pelaksanaan modul dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan penilaian sumatif untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan Modul MOBAFIK Digital. Penilaian sumatif merangkumi item-item bagi kelima-lima fasa Model ADDIE. Pandangan dan maklum balas

daripada penilai luar atau khidmat pakar untuk menentukan kesahan kandungan modul. (Mohd. Majid Konting, 2000).

Dalam Analisis yang memastikan matlamat pengajaran dan murid prasekolah mengikut perkembangan pembelajaran. Bagi Reka Bentuk yang menitikberatkan Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Instrumen Pentaksiran Prasekolah Kebangsaan (IPPK) dalam DSKP, KSPK semakan 2017 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Pembangunan Modul MOBAFIK Digital terdiri daripada Modul MOBAFIK, MOBAFIK.ppt dan MOBAFIK.audiovisual. Pelaksanaan dirancang selama 17 minggu secara beransur maju. Penilaian dengan set soal selidik empat mata ke atas kesahan dan kebolehpercayaan kandungan yang diubahsuai daripada Russell J. D. (1974).

Menurut Russell J. D. (1974), item kesahan kandungan modul mempunyai lima perkara, iaitu; (i) menepati sasaran populasi; (ii) kaedah pelaksanaan modul adalah bersesuaian; (iii) masa yang diperuntukkan untuk menjalankan modul adalah mencukupi; (iv) modul berjaya meningkatkan pencapaian murid dalam aspek yang disasarkan; dan (v) modul berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang.

Pengkaji mengubahsuai item-item dalam soal soal selidik berdasarkan perkara yang Russell J. D. (1974), iaitu (i) Kesesuaian Kandungan Modul Bacaan Awal Kaedah Fonik (MOBAFIK) terhadap Prasekolah, (ii) Kesesuaian Bahan Audiovisual MOBAFIK terhadap Murid Prasekolah dan (iii) Kesesuaian Kandungan MOBAFIK terhadap perkembangan pembelajaran murid Prasekolah. Kesemua item dalam soal selidik empat mata, iaitu 1 (belum capai tahap); 2 (tahap minimum); 3 (tahap memuaskan); dan 4 (tahap cemerlang). Jadual 3 merupakan item kesahan kandungan Modul MOBAFIK Digital dengan Model Rusell (1974)

Jadual 3: Item-item kesahan kandungan modul MOBAFIK dengan Model Rusell (1974)

Kandungan Modul MOBAFIK Digital	Model Russell (1974)
(i) Kesesuaian Kandungan Modul MOBAFIK Digital terhadap Prasekolah;	(i) menepati sasaran populasi
(ii) Kesesuaian Modul MOBAFIK Digital terhadap Murid Prasekolah, dan	(ii) kaedah pelaksanaan modul adalah bersesuaian; (iii) masa yang diperuntukkan untuk menjalankan modul adalah mencukupi;
(iii) Kesesuaian Modul MOBAFIK Digital terhadap perkembangan pembelajaran murid Prasekolah	(iv) modul berjaya meningkatkan pencapaian murid dalam aspek yang disasarkan, dan (v) modul berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang.

Menurut Tuckman, B. W. & Waheed, M. A. (1981); dan Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad (2005), pencapaian 70 peratus dianggap mencapai tahap kesahan kandungan yang tinggi yang diperoleh berdasarkan formula berikut;

Jumlah Skor Pakar		
Skor maksimum	X 100 % =	Pencapaian Kesahan Kandungan

Pengkaji mengumpul dan menganalisis data daripada senarai soal selidik Likert empat mata bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan pembangunan Modul MOBAFIK Digital seperti Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul MOBAFIK Digital.

Item	Jumlah Skor	Peratusan %	Pengertian
(A) Kesesuaian Kandungan Modul MOBAFIK Digital terhadap Prasekolah			
1. Kandungan MOBAFIK berlandaskan Tunjang Komunikasi DSKP semakan 2017 iaitu (i) memperkembangkan komunikasi lisan dan asas literasi murid untuk pembelajaran seterusnya dan (ii) keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur	25	89.3	Diterima
2. Unit 1 Kenal Huruf dan Abjad	28	100	Diterima
3. Unit 2 Bunyi dan Baca Suku Kata Terbuka dan Perkataan Suku Kata Terbuka	27	96.4	Diterima
4. Unit 3 Bunyi dan Baca Suku Kata Terbuka, Suku Kata Tertutup dan Perkataan Suku Kata Terbuka dan Suku Kata Tertutup	22	78.6	Diterima
5. Unit 4 Baca Frasa dan Ayat serta Bahan Bacaan Mudah	24	85.7	Diterima
Jumlah Keseluruhan		90.0	Diterima
(B) Kesesuaian Modul MOBAFIK Digital terhadap Murid Prasekolah			
1. Kesesuaian warna tulisan	27	96.4	Diterima
2. Kesesuaian saiz tulisan	25	89.3	Diterima
3. Kesesuaian bentuk tulisan	23	82.1	Diterima
4. Kesesuaian jarak gambar	23	82.1	Diterima
5. Kesesuaian gambar dan tulisan	26	93.9	Diterima
Jumlah Keseluruhan		88.6	Diterima
(C) Kesesuaian Modul MOBAFIK Digital terhadap Perkembangan Pembelajaran Murid Prasekolah			
1. Pengetahuan sedia ada murid Prasekolah dipertimbangkan	25	89.3	Diterima
2. Kandungan MOBAFIK Digital bersifat ansur maju	27	96.4	Diterima
3. Kandungan MOBAFIK Digital meliputi unsur didik hibur	22	78.6	Diterima
4. Kandungan MOBAFIK Digital mencetus rasa ingin tahu	23	82.1	Diterima
5. Kandungan MOBAFIK Digital menjalin perhubungan sosial dan menunjukkan perlakuan baik	22	78.6	Diterima
Jumlah Keseluruhan		85.0	Diterima

Berdasarkan Jadual 4, kesahan kandungan Modul MOBAFIK Digital bagi (i) Kesesuaian Kandungan Modul MOBAFIK Digital terhadap Prasekolah adalah tinggi iaitu sebanyak 90%. Pengkaji dapati peratusan item bagi kesahan kandungan yang paling rendah ialah 78.6 % bagi item 'Unit 3 yang menekankan Bunyi dan Baca Suku Kata Terbuka, Suku Kata Tertutup dan Perkataan Suku Kata Terbuka dan Suku Kata Tertutup' manakala 'Unit 1 Kenal Huruf dan Abjad' mencapai 100 %.

Item (ii) Kesesuaian Modul MOBAFIK Digital terhadap murid prasekolah mencapai 88.6 %. Pengkaji mendapati peratus kesahan kandungan bagi item ke atas 'kesuaian bentuk tulisan' dan 'kesuaian jarak gambar' adalah sama rendah iaitu 82.1 % manakala item kesahan kandungan yang paling tinggi iaitu 96.4 % bagi item 'kesesuaian warna tulisan'.

Item (iii) Kesesuaian Kandungan MOBAFIK Digital terhadap perkembangan pembelajaran murid prasekolah juga adalah tinggi iaitu sebanyak 85 %. Pengkaji mendapati peratus kesahan kandungan yang paling rendah ialah 78.6 % bagi dua item, iaitu 'Kandungan MOBAFIK Digital meliputi unsur didik hiburan' dan 'Kandungan MOBAFIK Digital menjalin perhubungan sosial dan menunjukkan perlakuan baik' manakala peratus kesahan kandungan yang paling tinggi ialah 96.4% bagi item 'Kandungan MOBAFIK Digital bersifat ansur maju'.

Perbincangan Kajian

Modul MOBAFIK Digital boleh dijadikan sebagai bahan sokongan utama kepada guru bagi mengajar murid prasekolah aliran Cina dalam penguasaan kemahiran membaca dengan lebih efisien dan efesyen. Ini kerana setiap item dalam Modul MOBAFIK Digital dihasilkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti yang telah dijalankan oleh Juppri Bacotang (2017); Aliza Ali & Zamri Mahamod (2015).

Selain itu, Modul MOBAFIK Digital dapat menyokong dan melengkapkan KSPK semakan 2017 dalam Tunjang Komunikasi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Justeru, Modul MOBAFIK Digital boleh dijadikan sebagai program literasi asas seimbang untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca kerana bersifat ansur maju. Proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pergerakan daripada yang mudah kepada yang lebih kompleks, daripada yang dalam pengalaman kepada yang di luar pengalaman, daripada yang dekat kepada yang jauh, daripada yang konkrit kepada yang abstrak dan sebagainya (Kamarudin Husin, 1998).

Walau bagaimanapun, masih banyak kajian lanjutan yang perlu dijalankan berkaitan kemahiran membaca untuk murid prasekolah aliran Cina. Kajian pada masa hadapan oleh pengkaji lain boleh berkisar kepada pembangunan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa yang lebih moden dan praktikal yang menggabungkan kemahiran menulis dan menaakul.

Penutup

Keseluruhannya, pembangunan Modul MOBAFIK Digital adalah lengkap dan sistematik kerana mengaplikasikan semua fasa Model ADDIE, iaitu; (i) Analisis; (ii) Reka Bentuk; (iii) Pembangunan; (iv) Pelaksanaan; dan (v) Penilaian. Modul MOBAFIK Digital yang bermatlamat tepat, sasaran yang bermotivasi dan kelancaran pelaksanaan serta pentaksiran yang berperingkat berlandaskan DSKP, KSPK semakan 2017 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016) mampu menjadikan pembelajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu lebih berkesan dan efisien dalam kalangan murid prasekolah, khasnya aliran Cina.

Rujukan

- Abdul Halim, Lilia Halim, T. Subahan, Mohd Meerah, & Kamisah Osman. (2010). Pembangunan Instrumen Penyelesaian Masalah Sains. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 35 - 39.
- Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darusalam, & Saedah Siraj. (2011). Cabaran Guru LINUS dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. *Jurnal Masalah Pendidikan* 34, 37-51.
- Adenan Ayob. (2017). Kesan Pembelajaran Menerusi Penggunaan Bahan Bacaan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid 6*, 1-17.
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2015). Analisis Keperluan Terhadap Pengguna Sasaran Modul Pendekatan Berasaskan Bermain Bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Kanak-Kanak Prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1)(<https://juku.um.edu.my/issue/view/1056>), 1-8.
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2015). Modul Pengajaran dan Pembelajaran untuk Meningkatkan Keprofesionalan Guru Prasekolah Melaksanakan Kurikulum Berpusatkan Murid dan Berasaskan Standard. *ASEAN Comparative Education Research Network Conference 2015*, (pp. 277-293). Malaysia.
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (Mei 2016). Pembangunan Dan Kebolehgunaan Modul Berasaskan Bermain. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 16-29.
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (Special 2015). Development of Play-Based Instruction Module for Teaching Preschoolers' Language Skills. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 9(34), 110-118.
- Aliza Ali, Sharifah Nor Puteh, & Zamri Mahamod. (2018, Januari). *Isu dan Kekangan Melaksanakan Pendekatan Belajar Melalui Bermain dalam Pengajaran Bahasa bagi Kanak-kanak Prasekolah*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/327954425_Isu_dan_kekangan_melaksanakan_pendekatan_belajar_melalui_bermain_dalam_pengajaran_bahasa_bagi_kanak-kanak_prasekolah?enrichId=rgreq-b7ddadd0633fbab36a8465762202f9c1-XXX&enrichSource=Y292ZXJQYWdlOzMyNzk1ND:file:///D:/User/Downloads/UNRIFullPaper.pdf
- Alizah Lambri & Zamri Mahamood. (Disember, 2019). Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling Volume: 4 Issues: 33*, 78-94.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (November 2016). *Buku Panduan Guru, Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan semakan 2017*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2012). *Buku Panduan Malaysia Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Chee Sook Ching, Mahzab Arshad, & Adenan Ayod. (2018, Mac 2018). Penilaian Semula Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pembacaan Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 Issues:10 (March, 2018) pp.01-8, 1-8.
- Essa, E. L. (2003). *Early Childhood Education*. Australia: Thomson Delmar Trading.
- Flynn, J. L. (1992). Cooperative Learning and Gagné's Events of Instruction: A Syncretic View. *Educational Technology*. 32(10)(<http://www.jstor.org/stable/44427642>), 53-60.
- Gagné, R.M. & Driscoll, M.P. (1988). *Essentials of learning for instruction*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- George Morrison. (2012). *Dasar-Dasar Pendidikan Anak Usia Dini: Edisi Lima*. Jakarta: PT.

- Indeks Jakarta.
- Heinich, R., Molenda, M., Russell, J. D., & Smaldino, S. (2002). *Instructional Media and Technologies for Learning, 7th ed.* Columbus: Merrill Prentice Hall.
- Jamaludin Ahmad & Sidek Mohd Noah. (2001). Pendekatan Alternatif Menentukan Kesahan dan Kebolehppercayaan Modul Program Maju Diri, Jabatan Pendidikan Selangor. *Jurnal PERKAMA*. 9, 97–118.
- Juppri Bacotang & Zainiah Mohamed Isa. (2016). Pembangunan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) Untuk Kanak-Kanak Taska. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid 5*, 30-48.
- Juppri Bacotang, Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustafa, Mahzan Arshad, & Ainon Omar. (2017). Kesahan Kandungan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) untuk Kanak-kanak berumur 2+ hingga 4+ Tahun. *Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL) 2017*, 238-254.
- Juppri Bacotang, Zainiah Mohd Isa, Mazlina Che Mustafa, & Mahzan Arshad & Ainon Omar. (2016). Aplikasi Model ADDIE Dalam Pembangunan Modul Literasi Awal (Modul Kit-A) Untuk Awal Kanak-kanak. *JPBU Edisi Khas*, 1-10.
- Kamarudin Husin & Siti Abdul Aziz. (1998). *Pengajian Melayu 5 dan 6: Pemulihan dan Pengayaan, Pengurusan Sumber Budaya dan Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarudin Husin. (1998). *Pedagogi Bahasa: Perkaedahan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Kamisah Buang & Rohaty @ Rohatiah Mohd Majzub. (2012). Pembangunan Dan Pengujian Modul Intervensi Membaca Bahasa Melayu Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 1, 65-86.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan KSPK*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Kspk) (Semakan 2017)*.
- Maszuraini Miswan, Hamed Adenan, & Norhazalen Saad. (2014). Pembangunan Aplikasi IPAD untuk Pendidikan Kanak-kanak. *Conference Proceeding: 1st International Conference on Creative Media, Design & Technology (REKA2014)*.
- Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roslin Francis, Adenan Ayob, & Azizah Zain. (September 2019). Kebolehan Menyebut Huruf dan Membaca Suku Kata Murid Prasekolah Berasaskan Modul Baca-Tulis Bahasa Melayu Digital. *Jurnal Kesusasteraan, Linguistik dan Pendidikan (JKELIP) Vol:2*, 1-12.
- Russell J. D. (1974). *Modular Instruction: Guide To The Design, Selection, Utilization and Evaluation of Mudular Materials*. Minneapolis, MN: Burgess Publishing Company.
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin. (2013). *Design and developmental research: Emergent trends in educational research*. Kuala Lumpur: Pearson, Malaysia.
- Shahida Hassim, Chua Chu Tee, Rosadah Abdul Majid, Zalizan Mohd Jelas, & Hamizatun Akmal Md Yusof. (2012). Perkembangan Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Prasekolah Bermasalah Pendengaran: Implikasinya Terhadap Penglibatan Ibu Bapa. <http://www.ukm.my/penerbit/jademik.html>, Vol 82, (No2) 2012 (ISSN: 0126-5008), 137-142.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan Dan Modul Akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Suppiah Nachippan, Zaharah Osman, Hashimah Hussien, Norly Jamil, & Nurulhuda Md Hassan. (2017). *Pengajaran Menggunakan Bahan Bantu Mengajar dalam Tunjang Sains dan Teknologi Prasekolah*. Retrieved from <https://fliphtml5.com/ofswa/pcsf/basic/>.
- Tuckman, B. W. & Waheed, M. A. (1981). Evaluating An Individualized Science Programmed For Community College Student. *Jurnal of Research In Science Teaching*, 18, 489-495.
- Walter Dick, Lou Carey, & James O. Carey. (2015). *Systematic Design of Instruction, The, 8th Edition*. University of South Florida: Pearson.
- Zaharah Osman. (2016). Perkembangan Emosi Kanak-kanak Menggunakan Lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid 5*, 49-60.
- Zainiah @ Zainiah Mohamed Isa & Juppri Bacotang. (01 Disember 2014). Kemahiran Literasi Awal Bagi Kanak-kanak TASKA. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Awal Kanak-kanak 2014* (pp. 1-15). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Zainiah Mohamed Isa. (2005). Tahap Bacaan dan Faktor-faktor Mempengaruhinya. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zainiah Mohamed Isa. (2010). Penggunaan Buku Cerita Bertahap Dan Kesannya Terhadap Pemunculan Literasi Kanak-Kanak. *JURNAL PENDIDIKAN BITARA UPSI, VOL.3 (2010) / ISSN 1394-7176*.
- Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang, & Mazlina Che Mustafa. (2018). Pencapaian Kemahiran Literasi Awal Kanak-kanak Berusia 2, 3, dan 4 Tahun. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat II, Jld. XX, (Dis)*(ISSN 1511 5828), 1-11.
- Zainiah Mohd Isa & Nor Fairizan Che Husin. (2012). Kesan Bacaan Berulang Terhadap Kefahaman Kanak-kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Jilid 1*, 1-16.
- Zainiah Mohd Isa, Juppri Bacotang, & Che Mustafa. (2017). Kesahan Kandungan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) Pada Peringkat Kanak-kanak Berumur 2+, 3+ dan 4+ tahun. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Jilid 6*, 57-68.